

Projek perumahan Bukit Cerakah tidak jejas alam sekitar – SUK UM 12/11

SHAH ALAM 11 Jan. – Projek pembangunan perumahan di kawasan bekas hutan simpan Bukit Cerakah di sini tidak akan menjejaskan struktur tanah dan hutan simpan kekal berhampiran kawasan itu, kata Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor, Datuk Ramli Mahmud.

Menurut beliau, projek di bawah Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) itu dilaksanakan setelah memenuhi syarat yang ditetapkan dari segi teknikal dan perundangan.

Malah katanya, projek membabitkan penggunaan tanah seluas 117.2 hektar itu turut mematuhi Pelan Pembangunan Seksyen U10 yang dipersetujui oleh kerajaan negeri.

“Kita tidak melihat bahawa pembangunan projek ini menyalahi undang-undang mahupun memberi kesan kepada alam sekitar memandangkan kelulusan projek ini telah dikeluarkan sejak enam tahun lalu.

“Malah, projek pembangunan ini tidak seperti projek pemaju perumahan sebelum

ini yang dihadapkan ke mahkamah kerana PNSB tidak mencerooboh mana-mana kawasan termasuk tanah pertanian.

“Namun, apa yang penting projek ini telah mengambil kira kepentingan semua aspek secara menyeluruh membabitkan perancangan terperinci oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta kajian teknikal daripada Kumpulan IKRAM dan Jabatan Kerja Raya (JKR),” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas status projek pembinaan 210 unit perumahan PNSB yang dibina di kawasan berhampiran Taman Bukit Cahaya Sri Alam, Shah Alam.

Ketika ini, projek tersebut ditangguhkan sementara bagi menunggu hasil penilaian daripada JAS dan JPS bagi pembinaan kolam takungan.

Isu pembangunan di Bukit Cerakah sebelum ini mencetuskan kontroversi pada 2005

berikutan sebuah syarikat pemaju perumahan di kawasan terbabit gagal mematuhi peraturan dan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Malah, isu tersebut menarik perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap masalah di kawasan hutan simpan itu yang turut mendapat bantahan hebat daripada persatuan dan badan pencinta alam.

Ini kerana projek berkenaan didakwa telah menimbulkan masalah dari segi struktur tanah selain mengancam habitat biodiversiti di kawasan itu.

Dalam pada itu, Ramli memberitahu, kerajaan negeri juga bersikap tegas dan meningkatkan pemantauan terhadap mana-mana projek pembangunan yang dilaksanakan di negeri itu.

Jelasnya, langkah itu dapat mengelakkan sebarang penyelewengan dan pencerobohan tanah oleh mana-mana pemaju projek.